

ANALISIS PERBANDINGAN TERJEMAHAN KATA PARTIKEL ARAB MELAYU

Nor Azhan Norul ‘Azmi

Correspondence Author: Nor Azhan Norul ‘Azmi, Jabatan Pengajian Bahasa & Linguistik Arab, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor. Tel: +603 8911 7000 ext: 3330, E-mail: norazhan@kuis.edu.my

ABSTRAK

Perkataan dalam bahasa Arab terdiri daripada kata nama, kata kerja dan kata partikel. Perkataan ini adalah daripada kumpulan bahasa yang boleh berdiri dengan sendiri, simbol kepada makna tertentu dan berasal daripada morfem tunggal. Kata partikel dalam ilmu linguistik merupakan salah satu jenis perkataan dalam bahasa Arab selain daripada kata nama dan kata kerja. Kata nama dan kata kerja mempunyai makna tersendiri dan boleh berdiri dengan sendiri dalam sesuatu ayat. Walaubagaimanapun, kata partikel tidak berfungsi sama sekali jika diletak bersendirian dalam ayat. Kata partikel juga memberi fungsi dan makna yang pelbagai, bergantung kepada makna yang ingin disampaikan. Kajian ini mendedahkan setiap makna, fungsi, jenis, laras bahasa dan gaya terjemahan kata partikel melalui kaedah kualitatif dengan analisis dokumen terhadap Kamus Idris Al-Marbawi (KIAM) dan Kamus Besar Arab Melayu Dewan (KBAMD). Dapatan menemui terdapat perbezaan antara laras bahasa KIAM dan KBAMD, ada kata partikel yang tidak diterjemah oleh KBAMD serta wujud perbezaan antara bilangan makna setiap kata partikel yang dihasilkan oleh kedua-dua kamus ini. Demikian, ia diharap dapat menyumbang kepada hasil dapatan baharu terhadap kajian leksikografi dalam dunia bahasa Arab amnya dan kata partikel khususnya. Ia juga dilihat akan dapat memberi impak positif dalam kajian linguistik bahasa Arab terhadap aspek fungsi sesuatu kaedah nahu, terjemahan, bahkan kajian lain berkaitan pemikiran dan budaya penulis Melayu.

Kata kunci: *Kata Partikel; Fungsi; Makna; Terjemahan; Laras Bahasa*

(COMPARATIVE ANALYSIS OF ARABIC-MALAY PARTICLE TRANSLATION)

ABSTRACT

Arabic vocabulary consists of nouns, verbs and particle words. This vocabulary belongs to standalone language group, a symbol to a certain meaning and comes from a single morpheme. The particles in linguistic field is one of the words in Arabic other than nouns and verbs. The noun and verb have their own meanings and can stand alone in a sentence. However, the particles cannot function at all if they are not joined with noun or verb in the sentence. The particles also give a variety of functions and meanings, depending on the meaning of the word. This study reveals the meaning, function, type, language form and translation method through qualitative methods

with document analysis on *Kamus Idris Al-Marbawi (KIAM)* dan *Kamus Besar Arab Melayu Dewan (KBAMD)*. The findings revealed that there are differences between translation of *KIAM* and *KBAMD*, that there are some particles that are not translated by *KBAMD* and there are also differences in terms of the number of meanings of each particle generated by both dictionaries. Thus, it is hoped that this study will contribute to the new findings on lexicography studies in Arabic language and particles in particular. This study would also have a positive impact on linguistic study of Arabic in terms of grammar, translation, and even other studies related to Malay writers' thoughts and cultures.

Kata kunci: *Particles; Function; Meaning; Translation; Language Form*

Received: October 12, 2017

Accepted: November 6, 2017

Online Published: December 30, 2017

1. Pendahuluan

Syeikh Muhammad Idris Abdul Raof al-Marbawi (SMIM) merupakan seorang tokoh agamawan yang tidak asing lagi di Tanah Melayu pada suatu masa dahulu. Beliau mempunyai ilmu pengetahuan yang mendalam dalam bidang bahasa Arab, Tafsir, Hadis, Fiqah dan Tasawuf. Karya-karya beliau juga menjadi rujukan banyak pihak yang ingin mendalami ilmu agama Islam dan bahasa Arab. Antara karya tulisan SMIM dalam tafsir ialah Tafsir Surah Yasin dan Tafsir al-Marbawi Juzuk Alif Lam Mim (Mustaffi & Abdul Manan 2009). Antara lain SMIM menghasilkan karya terjemahan kitab hadis iaitu *Bulugh al-Maram min Adillah al-Ahkam* (Najahudin Lateh 2009). Beliau juga tokoh agama yang masyhur di negeri Perak (Nor Azlida binti Aziz 2010).

Dalam bidang bahasa, SMIM telah menghasilkan sebuah kamus dwibahasa Arab-Melayu yang diberi nama "Kamus Idris Al-Marbawi" (KIAM). Ia begitu sinonim dengan pelajar yang mempelajari bahasa Arab di Malaysia baik di peringkat sekolah mahupun universiti sehinggalah sekarang. Menurut H. Ilyas Rifa'i & M.A (t.t), kamus merupakan bahan rujukan utama bagi pelajar untuk mengetahui kosa kata baharu, makna dan juga huraian lain yang berkaitan dengan perkataan tertentu. Jadi, pemilihan kamus yang baik amat perlu bagi proses pemikiran pelajar itu sendiri. Di antara ciri-ciri kamus yang baik adalah laras bahasa yang terpuji serta elemen budaya dan agama yang tinggi. Jadi, tidak hairanlah jika KIAM mendapat tempat di hati pelajar memandangkan SMIM cukup dikenali dengan kewibawaan dalam pemikiran dan ilmu yang luas.

Justeru, kajian telah menganalisis bentuk terjemahan kata partikel untuk melihat kepada jenis, makna dan fungsi yang disampaikan. Perbandingan dibuat antara KIAM dengan Kamus Besar Arab-Melayu Dewan (KBAMD) yang menjadi kamus terkenal di Malaysia pada hari ini. Ini kerana kedua-dua kamus ini adalah hasil karya dan pemikiran orang Melayu sendiri dalam penguasaan bahasa Arab untuk anak-anak tempatan khususnya. Demikian, kajian ini tidak langsung menyentuh aspek terjemahan lain, retorik atau tatabahasa yang terdapat dalam kedua-dua kamus tersebut. Melalui kajian ini juga, beberapa objektif digariskan supaya permasalahan kajian dapat dijawab dengan tepat dan perbincangan dapatan tertumpu kepada objektif. Objektif tersebut ialah pertama: mengenalpasti jenis kata partikel dalam KIAM, kedua: mengenalpasti makna kata partikel dalam KIAM dan ketiga: membandingkan kepelbagaian fungsi dan makna kata partikel dalam KIAM dan kamus moden.

Matlamat kajian adalah untuk memperkenalkan KIAM karya tulisan SMIM dan mengenalpasti bentuk terjemahan serta jenis kata partikel yang digunakan. Perbincangan juga memfokuskan secara khusus kepada laras bahasa yang digunakan oleh SMIM dalam karya tersebut. Menurut Faisal Bin Ahmad Shah (2010), SMIM telah menerima pendidikan di tiga tempat yang berlainan iaitu Mekah, Tanah Melayu dan Mesir. Justeru, sudah tentu corak pemikiran beliau terhadap sesuatu isu dan permasalahan agama dan masyarakat ditentukan oleh faktor perbezaan iklim pendidikan ini juga. Ia juga sama dalam pengaruh terhadap perkataan dalam pertuturan atau penulisan yang mana dipengaruhi oleh faktor budaya, masyarakat dan zaman.

2. Permasalahan Kajian

Sepanjang pemerhatian pengkaji tiada kajian dibuat terhadap corak pemikiran SMIM kecuali kajian oleh Nor Azlida binti Aziz (2010) dengan tajuk "*Metodologi Pentafsiran Sheikh Muhammad Idris Al-Marbawi dalam Kitab Tafsir Quran Marbawi*" di peringkat Ijazah Sarjana dengan tumpuan kajian terhadap metode pentafsiran SMIM dalam kitab tafsir beliau. Kajian ini telah menumpukan kepada aspek metodologi pentafsiran beliau dalam surah *al-Fatihah*, *surah al-Baqarah* dan *surah Yasin*. Para pelajar dan juga pencinta bahasa Arab juga perlu mendapat manfaat daripada buah fikiran SMIM dalam bahasa terutamanya kaedah terjemahan, cara penulisan kamus, gaya bahasa, keutamaan dalam memilih kosa kata dalam kamus dan sebagainya. Antara keperluan kajian terhadap pemikiran SMIM dalam bahasa Arab ialah seperti metodologi terjemahan, gaya bahasa dan budaya Melayu yang diserap masuk dalam penulisan KIAM.

Antara tujuan utama SMIM menulis KIAM adalah untuk memajukan bangsa Melayu. Beliau beranggapan apabila seseorang pelajar mempelajari bahasa Arab, mereka perlu menjadikan kamus sebagai bahan rujukan asas sama seperti keperluan mereka untuk mendalami ilmu nahu dan sarf (Al-Marbawi 1998). Kamus Idris Al-Marbawi menggunakan laras bahasa lama yang mana ia perlu dimurnikan dengan laras bahasa baharu bagi kelangsungannya dalam dunia pembelajaran bahasa Arab. Jika ditinjau kamus tersebut telah dicetak dengan cetakan ketiga pada 1998 melalui terjemahan Arab Melayu dengan tulisan Jawi. Pada masa kini, pelajar lebih cenderung untuk merujuk kamus dalam tulisan Rumi memandangkan penggunaannya amat luas sekali dalam mata pelajaran lain juga. Kamus ini juga masih digunapakai dalam versi tulisan Jawi, di mana ia perlu kepada transliterasi daripada Jawi ke Rumi.

Menurut Faisal bin Ahmad Shah (2010), SMIM telah menghasilkan tiga buah kitab hadis yang popular iaitu *Bahr al-Madhi*, *Bulugh al-Marâm* dan *Kitab Idangan Guru Shahih Bukhârî dan Muslim*. Karya-karya ini begitu popular dalam kalangan penuntut ilmu pengajian Islam. Banyak kajian telah dijalankan terhadap karya-karya tersebut, akan tetapi tiada satu pun karya SMIM tentang ilmu bahasa Arab yang dikaji. Pemikiran seseorang terzahir daripada budaya dan bahasa, ini kerana ia saling berkaitan antara satu sama lain seperti Teori Perkembangan Kognitif oleh Vygotsky. SMIM juga mempunyai tahap pemikiran dan bahasa yang berbeza disebabkan oleh faktor di mana beliau sendiri lahir serta membesar dalam lingkungan budaya dan bahasa Arab sehingga umur beliau mencecah 10 tahun (Faisal Bin Ahmad Shah 2010).

Bahasa juga sering kali dikaitkan dengan pemikiran dan ilmu pengetahuan seseorang. Bahasa yang sempurna dengan laras yang cantik dan sesuai mendorong

kepada keberkesanan sesuatu ucapan dan perbincangan. Namun, jika ditinjau, terdapat banyak kekeliruan dalam penggunaan bahasa contohnya dalam fungsi semantik. Bahasa Arab juga tidak terkecuali daripada fenomena ini. Contohnya ia boleh didapati dalam penggunaan partikel atau dikenali dengan *Huruf al-Ma'ani* melalui percakapan dan penulisan dalam kalangan penutur bahasa kedua. Ini kerana fungsi partikel boleh berubah apabila digunakan dengan kata kerja dan kata nama. Mengikut Taryudi Waryanto (2012), makna kata kerja akan berubah apabila partikel digunakan selepasnya, manakala fonem akhir kata nama akan berubah apabila partikel digunakan sebelumnya.

Justeru, perlu adanya satu kajian yang meneroka makna dan fungsi kata partikel untuk pemahaman dan penggunaan ayat serta memilih perkataan yang tepat. Ini kerana terjemahan merupakan kunci kepada ilmu pengetahuan dalam pelbagai disiplin ilmu. Kajian terhadap kata partikel khususnya terjemahan Arab Melayu perlu dibuat bagi kelangsungan pembelajaran bahasa Arab pada era baharu, serta keseragaman makna dan fungsi mengikut laras yang baik. Berdasarkan kepada permasalahan yang dinyatakan tadi, pengkaji tertarik untuk meneroka terjemahan dalam KIAM kerana ia melibatkan seorang tokoh ulama yang disegani di alam Melayu. Selain daripada laras bahasa, kita akan dapat menemui maklumat lain seperti pemikiran, budaya dan kesantunan perkataan lama yang terdapat dalam bahasa Melayu klasik.

3. Kajian Literatur

3.1 *Syeikh Muhammad Idris Al-Marbawi (SMIM)*

Mengikut Faisal bin Ahmad Shah (2010), nama lengkap SMIM ialah Mohamed Idris bin Abdul Raof al-Marbawi al-Azhari dan diberi gelaran sebagai al-Marbawi kerana tempat asal keluarga beliau ialah di Lubuk Merbau, Kuala Kangsar Perak. Disebabkan oleh ketokohan dan sumbangan beliau dalam bidang agama, beliau telah dianugerahkan sebagai tokoh Ma'al Hijrah yang pertama (Al-Marbawi 1998). SMIM juga banyak dicorakkan oleh tuan gurunya iaitu Tok Kenali, contohnya cara pengajaran ilmu Nahu dan Sorf semasa beliau menuntut ilmu di pondok Kenali dan Masjid Besar Al-Muhammadi (Al-Marbawi 1998). Kamus Idris Al-Marbawi yang dihasilkan pada 1927 juga telah menjadikan SMIM masyhur sehingga sekarang (Nor Azlida binti Aziz 2010) dalam sumbangan beliau terhadap ilmu bahasa Arab.

3.2 *Kamus Idris Al-Marbawi (KIAM)*

Kamus Idris Al-Marbawi (KIAM) telah dimurnikan semula oleh Syeikh Abdullah Al-Qari' bin Haji Soleh Kenali atau lebih dikenali dengan gelaran Tok Kenali pada tahun 1415 Hijri. Cetakan ketiga KIAM telah mengalami beberapa pembetulan, pembaharuan kata dan ejaan baharu berdasarkan resolusi Seminar Warisan Kata-kata Melayu anjuran Pusat Islam Malaysia pada 7 September 1991 (Al-Marbawi 1998). Kamus ini juga disertakan dengan gambarnya sekali dalam sebahagian perkataan yang terkandung di dalamnya. Selain itu, kamus cetakan ketiga ini juga mempunyai dua bahagian di mana terdapat 18,000 perkataan Arab dan 700 perkataan bergambar. Ia juga telah dilengkapi dengan kaedah penggunaan kamus untuk menyenangkan pengguna dalam merujuk perkataan yang tidak diketahui maknanya. Kaedah penggunaan kamus yang dimaksudkan ini ada 7 jenis kesemuanya, iaitu:

- Kaedah pertama : Mencari makna perkataan berdasarkan susunan abjad seperti *Alif, Ba', Ta'* sehingga akhir.
- Kaedah kedua : Pengguna boleh membaca dengan dua bacaan yang berlainan apabila menemui sesuatu huruf dalam perkataan diletakkan dengan dua baris pada masa yang sama.
- Kaedah ketiga : Terdapat juga singkatan perkataan yang merujuk kepada makna yang diberikan diambil daripada ayat Al-Quran dan Hadith, jadi penulis mendatangkan singkatan tersendiri bagi kedua-dua sumber tersebut.
- Kaedah keempat : Gambar yang disertakan dengan makna berfungsi untuk memberi maksud yang lebih jelas dan menggantikan huraian yang panjang.
- Kaedah kelima : Perkataan yang tidak diletakkan baris (perkataan ulangan) disebut dengan bacaan yang sama dengan perkataan yang sebelumnya yang telah dibariskan.
- Kaedah keenam : Terdapat istilah halal atau haram dalam kamus ini, yang mana ia merujuk kepada perselisihan pandangan dalam kalangan ulama dalam hukumnya.
- Kaedah ketujuh : Terdapat judul buku yang tidak lengkap, jadi pengguna boleh merujuk judul terbabit pada halaman kaedah penggunaan.

KIAM adalah kamus tunggal bergambar yang paling lengkap di Nusantara sehinggalah penerbitan kamus baharu di Indonesia iaitu “Kamus Al-Munawwir” pada tahun 1984 (Muhammad Idris Al-Marbawi 1998). KIAM juga mendapat pengaruh daripada bahasa Indonesia disebabkan kehidupan dan pergaulan SMIM dengan orang-orang Indonesia di Kota Kaherah semasa menuntut ilmu di sana. Ini dapat dilihat pada beberapa perkataan contohnya *bikin* (buat), *permisi* (izin) dan lain-lain lagi (Muhammad Idris Al-Marbawi 1998). Antara lain KIAM juga terpengaruh dengan bahasa Melayu daerah Perak seperti *bunyur* (empuk) dan *perit* (tengit).

3.3 Kamus Besar Arab-Melayu Dewan (KBAMD)

KBAMD adalah sebuah kamus yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa & Pustaka (DBP), Kuala Lumpur pada edisi pertama iaitu tahun 2006, diikuti dengan edisi kedua pada 2014 dan ketiga pada 2015. Kamus ini mengandungi 54,000 entri di mana setiap daripadanya mempunyai makna dalam bahasa Melayu, huraian dan contoh. Contoh ini diambil daripada sumber asli seperti ayat Al-Quran, Hadis mahupun teks klasik Arab. Kamus ini juga disusun berpandukan beberapa kamus Arab terkenal yang lain seperti *Al-Mu'jam Al-Wasit*, *Al-Munjid* dan *Mu'jam Al-Asasi Al-'Arabi*. Penyusun kamus ini adalah dalam kalangan ahli akademik di universiti-universiti Malaysia yang diketuai oleh Haji Osman bin Haji Khalid (mantan Prof. Madya di Fakulti Pengajian Islam, UKM). Antara penulis-penulis lain ialah Prof. Madya Dr. Abdul Halim Muhammadi (UKM), Dr. Abdul Halim bin Muhammad (UPM), Prof. Madya Dr. Hasan Basri Awang Mat Dahan (UM), Dr. Badrul Munir bin Mohd Nor (KUIM), dan Dr. Ahmad Hanafi Muhammad Ali serta Muhammad Syukri bin Hamzah (UKM) (KBAMD 2015).

3.4 Kata Partikel Atau Huruf Al-Ma'ani

Perkataan dalam bahasa Arab terdiri daripada kata nama, kata kerja dan kata partikel. Perkataan menurut Lindawati (2006) adalah daripada kumpulan bahasa yang boleh berdiri dengan sendiri, simbol kepada makna tertentu dan berasal daripada morfem tunggal. Kata partikel dalam ilmu linguistik merupakan salah satu jenis perkataan dalam bahasa Arab selain daripada kata nama dan kata kerja. Kata nama dan kata kerja mempunyai makna tersendiri dan boleh berdiri dengan sendiri dalam sesuatu ayat. Walaubagaimanapun, kata partikel tidak berfungsi sama sekali jika diletak bersendirian dalam ayat. Taryudi Waryanto (2012) telah mengkaji mengenai partikel ب /bi/ dan mendapati bahawa partikel ini seperti juga yang lain tidak mempunyai fungsi dalam sesuatu ayat kecuali bergabung dengan kata kerja atau kata nama. Demikian, partikel ini mempunyai kaitan yang rapat dengan ilmu sintaksis di mana terdapat hubungan antara partikel dengan perkataan-perkataan lain dalam ayat (Rayza Purwo Fachruzi 2016). Dalam setiap kata partikel, memberi fungsi dan makna yang pelbagai (Rayza Purwo Fachruzi 2016) bergantung kepada makna yang ingin disampaikan. Terdapat implikasi yang besar dalam terjemahan kata partikel menurut (Siti Laela Janiah 2014) kerana ia akan mempengaruhi terjemahan dan juga makna yang terkandung dalam teks. Jika salah terjemahan, maka maksud sebenar yang ingin disampaikan oleh penulis akan melencong dan pembaca akan salah faham.

4. Perbincangan

Jadual 1: Huruf *Ba'* dan Makna

KBAMD		KIAM	
الاستعانة	Dengan	Dengan	(حرف جر)
السببية	kerana	Dengan sebab	
الظرفية	Di dalam	Demi tuhan, demi Allah	بالله
الإصاق	Mengambil/berpegang dengan		
القسم	demi		
التعدية	Dengannya/bersamanya		

Jadual 1 menunjukkan perbezaan bilangan yang ketara antara KBAMD dan KIAM. KIAM mendefinikan makna *Ba'* dengan tiga makna iaitu: dengan, dengan sebab (kerana) dan demi. Manakala KBAMD pula mengeluarkan tiga makna baharu selain dari KIAM iaitu: di dalam, mengambil/berpegang dengan dan dengannya/bersamanya.

Jadual 2: Huruf '*Ala* dan Makna

KBAMD		KIAM	
Kata sendi nama	Atas atau di atas	atas	على
	Kerana atau di atas	kerana	بمعنى لأجل

bersama	Kena apakah? Apalah sebab?	على ما
daripada	Dengan segeranya, bangat-bangat	على عجل
namun	Dengan serta merta	على الفور
dengan	Serta kasihnya	على حبه
ketika	Pada waktu tidur	على حين غفلة
terhadap	Di dalam masa si anu	على عهد فلان
	Dengan perlahan- lahan	على مهل
	Lazim olehmu, ambil olehmu	عليك
	Tidak mengapa, tak apa	ما عليك من
	Oleh yang demikian, menurut di atas	بناء عليه

KIAM telah menghasilkan dua belas definisi huruf 'Ala, manakala KBAMD sebanyak lapan sahaja dalam jadual 2. KIAM menjelaskan setiap makna dengan contoh yang dibawa dengan gabungan perkataan lain yang sesuai. Ada empat persamaan makna dalam kedua-dua kamus ini iaitu makna: atas, kerana, serta/bersama, dengan dan ketika.

Jadual 3: Huruf 'An dan Makna

KBAMD	KIAM
Tiada terjemahan dibuat terhadap huruf ini	Daripada عن
	kerana عن (لأجل)
	kepada عن
	Tidak berapa lama عن قريب

Jika dilihat pada jadual 3, tiada sebarang terjemahan dan makna dihasilkan daripada KBAMD untuk huruf 'An. Manakala KIAM telah mengeluarkan makna bagi huruf 'An dengan empat makna iaitu: daripada, kerana, kepada dan juga tidak berapa lama (dengan gabungan perkataan lain).

Jadual 4: Huruf *Fi* dan Makna

KBAMD	KIAM
Tiada terjemahan dibuat terhadap huruf ini	Di dalam في طائر في قفص
	Pada waktu قمت في طلوع الفجر
	Di قابلته في السوق
	Kerana عوقب في ذنبه
	Kepada رَدَّ يَدَهُ في جيبه
	Atas قابلته في الطريق
	Antara ليس فيهم أحد
	Serta جاء الأمير في موكبه
	Sementara في حياتي
	kali سنة في عشرة

Jadual 4 menunjukkan tiada sebarang makna dihasilkan oleh KBAMD untuk huruf *Fi*. KIAM mendefinisikan huruf *Fi* dengan sepuluh makna iaitu: di dalam, pada waktu, di, kerana, kepada, atas, antara, serta, sementara dan kali.

Jadual 5: Huruf *Lam* dan Makna

KBAMD	KIAM
Hak khusus milik sebab	Pujian adalah untuk Allah Syurga itu untuk orang Mukmin Baginya apa yang ada dilangit dan dibumi Kami turunkan kepada engkau Al-Quran supaya engkau menjelaskan kepada manusia.
Menguatkan lagi penafian dengan didahului dengan "لا"	Kerana, supaya ل بمعنى لأجل ليفعل Hendaklah memperbuat ia
	Dan Allah tidak ingin memperlihatkan kepada kamu perkara ghaib

kepada	Sesungguhnya tuhan kamu telah mewahyukan kepadanya
Di atas	Mereka menyingkur di atas muka
pada	Dan kami akan meletakkan neraca keadilan pada hari Kiamat.
tentang	Dan orang kafir berkata kepada orang beriman sekiranya ia satu kebaikan nescaya mereka tidak mendahului kita tentangnya.
pertukaran	Ia dikutip oleh keurga Firaun supaya dia bertukar menjadi seteru kepada mereka.
sumpah	Demi Allah
Taajub/kagum	Alangkah malam yang engkau hadapi...
Kata kerja transitif	Apakah yang mengasihkannya terhadap Bakar?

Jadual 5 di atas menunjukkan KIAM telah memberi dua definisi bagi huruf *Lam* iaitu: kerana/supaya dan hendaklah. Manakala KBAMD mendefinisikan huruf *Lam* kepada tiga belas dengan fungsi yang berbeza bagi setiap satu makna.

Jadual 6: Huruf *Ila* dan Makna

KBAMD		KIAM	
Sehingga	Sempurna puasa sehingga waktu malam	Kepada, sampai, sama, serta	إلى
Untuk	إليك هذا	Hingga, sampai	إلى أن
Pergi jauh dari aku	إليك عني	Kepada engkau	إليك
		Ambil olehmu akan ini	إليك هذا
		Jauhlah kamu daripadaku	إليك عني

Jadual 6 menunjukkan KIAM memberi definisi huruf *Ila* kepada empat jenis iaitu: hingga, kepada, oleh dan daripada. Menurut KBAMD pula, huruf *Ila* memberi makna: sehingga, untuk dan pergi jauh. Ada perbezaan laras bahasa yang membawa erti yang sama seperti KIAM (oleh) manakala KBAMD (untuk). Selain itu, ada persamaan dalam laras dan makna iaitu KIAM (daripadaku) dan KBAMD (dari aku).

Jadual 7: Huruf *Min* dan Makna

KBAMD		KIAM	
permulaan	Dia telah sakit semenjak hari Jumaat.	Daripada, dari masa, dari semenjak	من
Setengah	Setengah daripada mereka ada yang lulus dan setengah daripada mereka ada yang gagal.	Setengah dari mereka itu orang yang baik	منهم من أحسن
keterangan	Apa yang Allah kurniakan kepada manusia daripada rahmat.		
Sebagai alasan	Kerana kesalahan mereka, mereka telah tengelam.		
Badal/ganti	Adakah kamu redha dengan kehidupan dunia daripada kehidupan akhirat.		
perbezaan	Allah tahu siapa perosak dan siapa pembuat kebaikan		
Penegasan umum	ما من جاءني أحد		

Dalam jadual 7 dapat diperhatikan KIAM memberi tiga takrif huruf *Min* iaitu: daripada, dari semenjak dan setengah. Manakala KBAMD pula memberikan takrif huruf ini kepada tujuh fungsi iaitu: permulaan, setengah, keterangan, sebagai alasan, ganti, perbezaan dan penegasan umum.

Jadual 8: Huruf *Rubba* dan Makna

KBAMD	KIAM
Sendi kata yang menunjukkan bilangan yang banyak atau sedikit mengikut konteks ayat.	Jarang kali, kerap kali, boleh jadi

Jadual 8 pula menunjukkan terdapat persamaan antara KIAM dan KBAMD dalam mendefinisikan makna huruf *Rubba* iaitu kerap kali serta menunjukkan bilangan sedikit atau banyak. Ia berlaku hanya pada laras bahasa yang diguna tetapi tidak pada fungsi.

Jadual 9: Huruf *Kaf* dan Makna

KBAMD	KIAM
Perumpamaan atau perbandingan	Seumpama, seperti, laksana ۛ

Dalam jadual 9 ini juga memberi definisi dan fungsi yang sama antara kedua-dua kamus KIAM dan KBAMD. Makna dan fungsi juga sama dengan perbezaan laras bahasa antara kedua-duanya. Cuma dapat diperhatikan KIAM menggunakan perkataan laksana dan seumpama yang biasa ditemui dalam teks puisi, agama dan klasik. KBAMD pula memberi fungsi sahaja untuk penggunaan huruf *Kaf* ini.

5. Penutup

Kesimpulannya, perbandingan di antara kedua-dua kamus ini memberi maklumat baharu tentang terjemahan oleh penyusun yang berbeza era dan zaman. Antara dapatan di sini, pertama, laras bahasa yang diguna oleh SMIM adalah lama serta bersifat klasik berbanding dengan penyusun kamus KBAMD. Penyusun KBAMD menggunakan laras bahasa moden yang berbeza sama sekali dengan KIAM kerana penggunaan bahasa adalah mengikut percakapan dan penulisan orang yang hidup sezaman dengan penyusun kamus. Kedua, terdapat juga dua huruf iaitu *Fi* dan *'An* yang mana kedua-dua huruf ini tidak diterjemah langsung dalam KBAMD. Ketiga, Persamaan dan perbezaan juga berlaku dalam terjemahan kedua-dua kamus ini dari segi bilangan makna contohnya pada huruf *Min* dan *Lam*. Keempat, terdapat juga perbezaan dari segi perkataan yang dihasilkan oleh kedua-dua kamus ini akan tetapi fungsi adalah sama contohnya pada huruf *Kaf*.

Selain dari dapatan melalui penulisan kamus, kajian terhadap pemikiran SMIM harus dijalankan juga untuk sumbangan yang lebih berfokus kepada cara pemikiran orang Melayu terhadap sesuatu isu masyarakat, agama, budaya dan penggunaan bahasa terutama terjemahan mereka dalam bahasa asing. Ini kerana, aktiviti terjemahan umpamanya mampu untuk memindahkan ketamadunan sesuatu bangsa kepada bangsa yang lain (Mohd Sukki Othman 2011). Begitu juga dengan adat, budaya dan pemikiran orang Melayu mampu untuk dipindahkan dalam bentuk terjemahan teks seperti yang dilakukan oleh SMIM daripada kemampuan berbahasa Arab yang dimiliki beliau. Setiap tokoh, ulama dan pemimpin silam menjadi idola dalam kalangan pelajar, masyarakat dan pengkaji dalam pelbagai disiplin ilmu. Ini kerana, ilmu, pengalaman dan pemikiran tokoh-tokoh inilah yang menjadi menyumbang kepada pembangunan masyarakat sehingga hari ini.

Justeru, kajian perbandingan ini juga perlu diteruskan dengan kajian yang lebih berfokus kepada bidang perkamusan melalui terjemahan, laras bahasa kamus, pendekatan istilah yang digunakan dan lain-lain. Ini kerana, usaha dan pemikiran cendekiawan Melayu berbeza daripada generasi ke generasi yang lain. Maka, sudah pasti idea, kajian dan buah fikiran yang dihasilkan menterjemahkan budaya, ilmu dan ketamadunan mengikut era mereka hidup. Ilmu dalam menghasilkan kamus yang baik perlu diteruskan kerana bahasa dan istilah akan terus mengalami perubahan dengan percambahan teknologi dan pembangunan semasa. Justeru, wajarlah sekiranya lebih banyak kajian dilakukan untuk menghasilkan kamus yang boleh menjana pembangunan umat Melayu khususnya dalam pemerolehan bahasa Arab.

RUJUKAN

- Aji Akbar Sadewo. 2012. *Partikel مئثل/ Miθlu/ Dan ك Ka/ Bermakna 'Penyerupaan' Dalam Bahasa Arab (Tinjauan Sintaksis Dan Semantik)*. Students e-Journals, Vol 1, No 1.
- Anon. 2015. *Kamus Besar Arab-Melayu Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka (DBP).
- Faisal bin Ahmad Shah. 2010. *Syaikh Mohamed Idris Al-Marbawi: Kontribusinya dalam Fiqh al-Hadīs*. MIQOT Vol. XXXIV No. 1 Januari-Jun. *Jabatan al-Qur'an dan Hadith*, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur, Malaysia.
- H. Ilyas Rifa'i, M.A. t.th. *Mengenal Kamus Arab-Indonesia Mahmud Yunus*. t.tp.: t.pt.
- Jelani Harun. 2008. *Kajian Naskhah Undang-Undang Adat Melayu di London*. *Sari* 26, 127-148.
- Lindawati. 2006. *Padanan Konstruksi/Ya/ Bahasa Arab Dalam Bahasa Indonesia*. Jakarta: Skripsi Sarjana Sastera, Fakultas Adab dan Humaniora, UIN Syarif Hidayatullah.
- Mohd Sukki Othman. 2011. *Contributions of Translations Activities In Malay, Chinese and Indian Civilization*. *Studies in Literature And Language*. Vol. 2, No. 2, 2011, pp. 100-103.
- Muammar Ghaddafi Hanafiah & Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff. 2015. *Kontroversi Program "I Want To Touch A Dog" Dalam Media Kontemporari Daripada Perspektif Melayu*. *Malaysian Journal of Communication*, Jilid 31(2) 2015: 195-210
- Muhammad Idris Al-Marbawi. 1998. *Kamus Idris Al-Marbawi: Arab – Melayu*. Cetakan Ketiga 1998. Kuala Lumpur: Darul Nu'man.
- Mustaffi bin Abdullah & Abdul Manan Syafi. 2009. *Khazanah Tafsir Di Nusantara: Penelitian terhadap Tokoh dan Karyanya di Malaysia, Brunei Darussalam, Singapura, dan Thailand*. *Kontekstualita*, Vol. 25 No. 1, Juli 2009.
- Najahudin Lateh. 2009. *Metodologi Syeikh Idris al-Marbawi dalam Karya Terjemah Bulugh al-Maram: Analisa Kitab al-Taharah*. *Seminar Kebangsaan Ketamadunan Islam*, 8 - 9 Disember 2009, Ipoh Perak.
- Nor Azlida Binti Aziz. 2010. *Metodologi Pentafsiran Sheikh Muhammad Idris Al-Marbawi Dalam Kitab Tafsir Quran Marbawi*. Disertasi Sarjana. Kuala Lumpur: Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Rayza Purwo Fachruzi. 2016. *Penggunaan Fungsi Charf Lam Dalam Surat Ali-Imran*. *Journal of Arabic Learning and Teaching*. Lisanul Arab 5 (1).
- Siti Laela Janiah. 2014. *Analisis Penggunaan Huruf Lam Dalam Al-Qur`An Serta Implikasinya Terhadap Pembelajaran Tarjamah: Studi deskriptif terhadap makna dan fungsi huruf lam dalam juz satu*. S1 thesis, Universitas Pendidikan Indonesia.
- Taryudi Waryanto. 2012. *Korelasi Partikel ب/Bi/ Dengan Verba Dan Nomina Bahasa Arab (Tinjauan Sintaksis Dan Semantik)*. Students e-Journals, Vol 1, No 1.
- Vera John-Steiner & Holbrook Mahn. 2011. *Sociocultural Approaches To Learning And Development: A Vygotskian Framework*. *Journal of Educational Psychologist*. Volume 31, 1996 - Issue 3-4.
- Zulkifley Hamid & Muammar Ghaddafi Hanafiah. 2016. *Pemikiran Belia Malaysia: Pengaruh Umur, Etnisiti dan Status Ekonomi*. *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysia Journal of Society and Space*, 12 issue 11 (92-102).

BIOGRAFI PENULIS

Nor Azhan Norul ‘Azmi, (Sarjana Pendidikan Bahasa Arab) dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) ialah pensyarah di Jabatan Pengajian Bahasa & Linguistik Arab, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Sebelum ini beliau pernah menyambung pelajaran di peringkat Ijazah Sarjana Muda di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dalam bidang Sains Kemanusiaan (Bahasa Arab & Kesusasteraan). Beliau juga mempunyai pengalaman dalam bidang pedagogi, pengendalian program akademik dan pengurusan sekolah semasa memegang jawatan sebagai guru selama 2 tahun bermula pada tahun 2007 sehingga 2009 sebelum melangkah ke dunia pengajaran dan pembelajaran di Institut Pengajian Tinggi (IPT). Selama perkhidmatan di KUIS, beliau aktif menerbitkan modul pengajaran bahasa Arab, buku teks, kursus jangka pendek bagi orang awam dan juga persediaan bakal pelajar untuk melanjutkan pelajaran ke Timur Tengah. Manakala bidang kepakaran beliau pula ialah bahasa dan linguistik Arab, kemahiran asas bahasa Arab, multimedia, linguistik perkomputeran dan pendidikan. Kini beliau giat berkecimpung dalam penyelidikan bahasa Arab termasuk penerbitan prosiding, artikel jurnal dan pembentangan kertas kajian di seminar kebangsaan dan antarabangsa. Alamat e-mel: norazhan@kuis.edu.my